



# Hujan lebat berterusan, Kuantan bah

» Paras sungai Golok melebihi tahap bahaya, lebih 2,000 mangsa dipindah

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad, Irwan Shafrizan Ismail, Syazwan Msar, Nik Nur Zakia Abdullah, Mohammad Ishak, Nojie Nadzirah, Aslina Abu Bakar dan Faizul Azlan Razak  
bhnews@bharian.com.my

BH 25/12/12 M56

► Kuala Lumpur

**B**anjir di Kelantan, Pahang dan Terengganu bertambah buruk memaksa lebih 2,000 mangsa berpindah ke pusat pemindahan selepas hujan lebat melanda sebahagian besar negeri terbabit sejak dua hari lalu.

Sehingga jam 9 malam tadi, sebanyak 1,301 mangsa di Terengganu, 787 di Pahang, dan 465 di Kelantan, terpaksa dipindahkan.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pula terpaksa membatalkan kelas dan kegiatan penuntut semalam selepas kawasan berkenaan dinaiki air satu meter.

## Paras bahaya

Jabatan Pengairan Saliran pula memaklumkan tiga sungai di Terengganu melebihi paras bahaya iaitu Sungai Setiu di Jambatan Permaisuri, Sungai Besut di Kampung La dan Sungai Berang di Kampung Menerong.

Manakala di Kelantan, Sungai Golok di daerah Tanah Merah dan Rantau Panjang juga melebihi paras bahaya.

Di Pahang, banjir yang mula melanda negeri itu memaksa 787 mangsa membabitkan 179 keluarga dipindahkan ke enam pusat pemindahan di sekitar daerah Kuantan, Pekan dan Rompin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, berkata sehingga jam 6 petang semalam, kawasan yang terbabit di daerah ini ialah Kampung Galing, Taman Seri Kuantan, Kampung Cenderawasih, Kam-

pung Tengah, Kampung Tanjung Lumpur dan beberapa kampung di sekitar Pandan.

Beliau berkata, 362 daripada 64 keluarga ditempatkan sementara di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Galing, di SK Cenderawasih 200 mangsa membabitkan 52 keluarga, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan 93 mangsa membabitkan 41 keluarga dan Balai Raya Tanjung Lumpur seramai 21 mangsa membabitkan empat keluarga.

"Seramai 60 mangsa membabitkan 10 keluarga di Kampung Sungai Miang serta Kampung Cenderawasih di Pekan dan mereka ditempatkan di SK Sinar Mutiara, Sungai Miang, manakala di Rompin, seramai 51 mangsa daripada lapan keluarga di Kampung Perpat dipindahkan ke masjid kampung berkenaan," katanya.

## Hujan berterusan

Selain itu beliau berkata, hujan lebat berterusan tiga jam menyebabkan beberapa kawasan di bandar ini termasuk jalan utama di pusat bandar dilanda banjir kilat sedalam kira-kira 1.5 meter, kejadian terburuk sejak 2001.

Antara jalan ditenggelami air di kawasan itu ialah Jalan Tun Ismail Satu, Jalan Besarah, Jalan Wong Ah Jang, Jalan Lim Hoe Lek, Jalan Abd Aziz, Jalan Mahkota, Jalan Bukit Ubi, Jalan Air Putih, Jalan Pasar dan Terminal Makmur.

Di Kota Bharu, seramai 465 mangsa banjir dari enam jajahan dipindahkan ke 13 pusat pemindahan banjir.

## FAKTA NOMBOR

**2,553** mangsa **652** keluarga

dipindahkan di Kelantan, Terengganu dan Pahang



Jajahan terbabit ialah Kota Bharu membabitkan 113 orang dari Pendek dan Peringat; 122 orang di Kuala Krai (Mengkebang); empat orang di Machang (Ulu Sat); 11 orang di Pasir Mas (Kangkong); 14 orang di Pasir Puteh (Bukit Awang dan Limbongan) dan 25 orang di Tanah Merah (Bukit Panau).

Sehingga kini, hanya dua jalan di jajahan Machang ditutup iaitu Padang Klupang ditutup kepada semua lalu lintas dan Kampung Bunchit, hanya kepada kenderaan ringan saja. Tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan.

Di Terengganu, keadaan banjir bertambah buruk sehingga jam 9 malam tadi apabila jumlah mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan di seluruh negeri meningkat kepada 1,301.

Jumlah itu membabitkan 363

ditempatkan di pusat pemindahan di Kelantan, Terengganu dan Pahang



Mangsa banjir dipindahkan selepas **Kampung Buluh, dekat Setiu** terputus hubungan.  
[FOTO/BERNAMA]



Banjir di Jalan Lorong Tun Ismail, Kuantan akibat hujan berterusan lima jam, semalam.  
[FOTO HALIM MAT ALL/BH]





Pengguna jalan raya di bandar Kuantan **terperangkap dalam banjir kilat** selepas hujan berterusan lima jam.

keluarga yang ditempatkan di 30 pusat pemindahan dengan daerah Setiu mencatatkan paling ramai mangsa banjir dipindahkan iaitu 461 orang membabitkan 128 keluarga berada di 12 pusat pemindahan.

Kemaman juga menjadi daerah terbaru yang membuka satu pusat pemindahan yang menempatkan enam mangsa daripada dua keluarga.

### Amaran hujan lebat

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) semalam mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga membabitkan beberapa daerah di Kelantan, Pahang dan Terengganu.

JMM berkata, hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di beberapa jajahan di Kelantan seperti, Tumpat, Pasir Mas, Machang, Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh serta di beberapa daerah di Terengganu seperti Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman, dijangka berterusan sehingga esok.

Keadaan itu boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang juga dijangka berterusan sehingga Rabu ini.

Dalam pada itu, JMM mengeluarkan nasihat hujan lebat peringkat kuning di beberapa kawasan di Pahang seperti daerah Jerantut, Maran dan Bera serta beberapa daerah di Johor seperti Mersing dan Kota Tinggi yang dijangka mengalami hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat.



Sebahagian daripada 27 mangsa banjir **dari Kampung Tiong, Kota Bharu dipindahkan.**  
[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]



Kawasan sekitar UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa **terjejas akibat dinaiki air** sedalam satu meter.  
[FOTO ZAMAN HURI ISA/BH]



Pelajar UMK meredah banjir berikutan **dinaiki air satu meter.**

BH 25/12/12 MSZ

## Kelantan tangguh sesi persekolahan jika banjir teruk

**Kota Bharu:** Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan akan menangguhkan sesi persekolahan bagi tahun 2013 ini yang bermula 1 Januari ini jika banjir teruk melanda negeri ini.

Pengarahnya, Hussain Awang, berkata penangguhan sesi persekolahan itu bagaimanapun hanya tertakluk kepada sekolah yang terletak di kawasan berisiko terutama di jajahan Tumpat, Pasir Mas dan Rantau Panjang yang sering terdedah kepada banjir.

Katanya, ketika ini JPN hanya menerima laporan daripada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kota Bharu bahawa Sekolah Kebangsaan (SK) Tiong, dan SK Telekong, Kuala Krai, dijadikan pusat pemindahan banjir.

gelami banjir ialah di kawasan PPD Pasir Mas, seperti SK Kedai Tanjong; SK Bakong; SK Kok Pauh; SK Lubok Setoi; SK Rantau Panjang 1; SK Seri Rantau Panjang; SMK Rantau Panjang; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Khay Boon; Sekolah Menengah Ugama (SMU) (A) Al Falah Kg Siram dan SMU(A) Diniyah Kg Bongor," katanya.

Beliau berkata, bagi PPD Kuala Krai, sekolah yang sering dilanda banjir ialah SK Kuala Nal 2; SK Chenulang; SK Pasir Gajah; SK Pemberian; SK Sungai Embah; SK Manek Urai; SK Kg Bedal dan SK Karangan.

### Tukar tarikh temu duga

Di **Putrajaya**, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berkata,

18 sekolah

**di jajahan** Pasir Mas dan Kuala Krai berisiko ditenggelami banjir

sekejap-sekejap kadangkala sederhana sehingga Rabu ini.



Bandar Kuantan **ditenggelami banjir** akibat hujan berterusan.

[FOTO AFIF ABD HALIM/BH]



mindahan banjir.

“JPN negeri akan membuat pengumuman dari semasa ke semasa berdasarkan maklumat terkini yang diperoleh dari pihak berkuasa dan jawatankuasa bencana banjir,” katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Hussain berkata, bagi kawasan PPD Pasir Mas ada 81 sekolah dengan 56 buah SK dan 25 lagi SMK, sebahagiannya terletak di kawasan berisiko banjir berdasarkan pengalaman bencana alam seperti ini tahun sebelumnya.

“Antara sekolah berisiko diteng-

khidmatan Awam (SPA) berkata, calon temu duga jawatan sektor awam di negeri yang terbabat banjir dibenarkan menukarkan tarikh temu duga ke tarikh lain.

SPA dalam kenyataan berkata calon boleh menghubungi Mohamad Nazmi Ismail di Bahagian Pengambilan di talian 03-8885 6309 untuk calon berkecualan diploma dan ijazah, atau Mohd Shaiful Ibrahim dari Bahagian Pengambilan Khas di talian 03-8885 6010.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said, menasihatkan mangsa banjir di negeri itu mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memudahkan urusan bantuan.



Anggota polis mengawal lalu lintas berikutan **pokok kelapa tumbang** ditiup angin kencang di Jalan Kuala Terengganu- Kuantan dekat Marang, semalam.

[FOTO ASWADI ALIAS/BH]